

18/08/1998

Kenaikan gaji tidak dibekukan

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan tidak bercadang membekukan kenaikan gaji atau mengurangkan jumlah kakitangan awam, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali.

Bagaimanapun, beliau tidak menolak kemungkinan kerajaan mungkin mengambil tindakan tegas, termasuk memberhentikan pegawai yang mencatat prestasi kurang daripada 49.9 peratus dalam penilaian tahunan tiga tahun berturut-turut.

"Setakat ini seperti biasa, tiada beza daripada sekarang. Tetapi ke hadapan mungkin terpulang kepada keadaan ekonomi... pada hari ini tiada rancangan khusus mengenai pengurangan (kakitangan) dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat Pusat Pembangunan Asia Pasifik (APDC) di Persiaran Duta, dekat sini, hari ini.

Abdul Halim mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Ahad lalu yang meminta rakyat bersedia menerima beberapa lagi tindakan kerajaan yang mungkin di luar jangkaan, bagi memulihkan kegawatan ekonomi sekarang.

Menurutnya, beliau tidak mengetahui apakah langkah di luar jangkaan yang mungkin diambil kerajaan dan sama ada ia membabitkan kakitangan awam.

"Saya belum tahu kerana ia belum dibincangkan. Bonus? Mana ada bonus," katanya ditanya mengenai kemungkinan bonus dibayar tahun ini.

Ditanya mengenai pengurangan kakitangan awam terutama membabitkan pegawai yang mencatat markah kurang 49.9 peratus dalam Skim Saraan Baru (SSB), Abdul Halim berkata:

"Kita memang ada dasar di bawah SSB iaitu sesiapa yang tidak mencatat prestasi baik akan diberi notis untuk jawatannya ditamatkan... bukan sakarang, ia sudah berlaku sejak dulu lagi.

"Bagaimanapun, sudah sampai masanya kita mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang tidak mencapai prestasi yang diharapkan, kalau dalam sektor swasta mereka hanya diberi tempoh enam bulan saja," katanya.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas kenyataan Cuepacs yang mendakwa tindakan itu boleh mewujudkan penganiayaan apabila pegawai penilai tidak mempunyai 'hubungan baik' dengan pekerja.

Mengenai cadangan untuk menjimatkan lagi perbelanjaan, terutama membabitkan kakitangan awam, Abdul Halim berkata, kerajaan akan mengumumkan apabila tiba waktunya.

Menurutnya, kajian membabitkan perkara itu memang sering dibuat dan dengan pembekuan pengambilan baru, kerajaan perlu mengagihkan pegawai kepada jabatan yang memerlukan.

Berikutan itu, beliau menasihatkan kakitangan kerajaan bekerja lebih kuat dan mencari jalan untuk mengurangkan kerenah birokrasi supaya pembangunan dapat berjalan lancar.

(END)